



Anwar Ibrahim beramah mesra bersama tetamu pada majlis pelancaran Kempen MyJalan KKR di Jeti Awam Pulau Banding, Gerik semalam. (FotoBERNAMA)

# Dana tambahan RM30j naik taraf laluan Gerik-Jeli

Kerajaan kaji permohonan penyelenggaraan jalan dalam Belanjawan MADANI kedua

**Gerik:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan tambahan RM30 juta bagi menaik taraf Jalan Raya Timur-Barat yang menghubungkan Gerik-Jeli.

Beliau berkata, ia tambahan kepada peruntukan penyelenggaraan jalan terbabit yang kosnya dianggarkan RM80 juta sehingga RM100 juta.

Anwar yang juga Menteri Keuangan berkata, banyak permohonan peruntukan bagi penyelenggaraan jalan di seluruh negara dan beliau akan mengka-jinya dalam Belanjawan MADANI kedua yang akan dibentangkan Oktober.

"Tapi hari ini saya boleh lulus tambahan RM30 juta untuk perbaiki jalan," katanya ketika melancarkan Kempen MyJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Sebelum ini Nanta mengumumkan RM30 juta peruntukan awal daripada KKR bagi me-

naik taraf dan menyelenggara laluan terbabit.

Sementara itu, Anwar berkata kerajaan meluluskan peruntukan tambahan penyelenggaraan jalan Persekutuan di seluruh Malaysia berjumlah RM370 juta tahun ini, yang mana ia tiada dalam syarat kontrak syarikat konsesi.

"RM20 juta peruntukan khas untuk jurutera daerah dan RM50 juta (bagi) pemasangan dan penyelenggaraan lampu di kawasan risiko tinggi kemalangan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata kerajaan turut meluluskan RM250 juta bagi peruntukan kerja penyelenggaraan melibatkan kontraktor kecil Bumiputera.

Sementara itu, Perdana Menteri meluluskan sugu hati RM1,000 kepada 87 keluarga pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) yang terbabit pembinaan Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) (FT004) sebagai simbolik menghargai jasa bakti dicurahkan.

Anwar turut menyampaikan cenderamata kenangan kepada 37 bekas pekerja dan waris keluarga yang terbabit dengan pembinaan JRTB (FT004) itu.

Pada 21 Mei 1974, serangan penganas komunis merosakkan puluhan unit jentera berat dan pada 27 Ogos 1974 tiga petugas JKR terbunuh semasa bekerja untuk membina laluan ini.

**Bina, baik pulih rumah polls**

Sementara itu, Perdana Menteri ketika berucap pada majlis jamuan rakyat bersama warga dan keluarga Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta di Briged Utara PGA di Ipoh, berkata kerajaan berusaha menambah pe-

runtukan untuk membina dan membaiki pulih perumahan polis dalam Belanjawan MADANI 2024 yang akan dibentangkan Oktober.

Setakat ini, katanya beliau difahamkan kira-kira antara 40 ke 60 peratus sahaja perumahan polis yang boleh didiami dengan bakinya dalam keadaan tidak selamat.

"Insya-Allah Belanjawan MADANI pada bulan Oktober, kita akan cuba (mendapatkan) peruntukan tambahan untuk perumahan. Insya-Allah hal-hal lain macam perumahan tujuan paling utama di sini, yang itu kita akan tambah peruntukan segera

"Paling utama di sini kita akan tambah peruntukan segera baik yang asas dulu, kemudian yang lain akan diberi perhatian," katanya.

Sebelum ini, Anwar mengumumkan kelulusan peruntukan tambahan RM200 juta untuk menaik taraf kelengkapan dan rumah daif pasukan tentera, serta RM40 juta untuk perumahan polis termasuk di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau berani mengumumkan peruntukan tambahan itu kerana ekonomi negara kini kian mengembang ekoran banyak pihak yang mahu membuat pelaburan di negara ini.

Beliau memberi contoh Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Inc, Elon Musk yang mahu berbin-cang dengan beliau sendiri bagi menyatakan komitmennya untuk membuka ibu pejabat syarikat berkenaan di Cyberjaya tahun ini.

BERNAMA